

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN  
A/L M PARAMESWARAN [ BATU ]**

**TARIKH : 11 JULAI 2019 [ KHAMIS ]**

**SOALAN NO. 80**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana Kementerian ingin memastikan penduduk bertaraf peneroka bandar atau yang menduduki sesuatu kawasan tanpa status sah untuk membeli rumah baru apabila tanah yang mereka duduki ingin diambil semula oleh Kerajaan jika mereka tidak mampu menyediakan dokumen bagi pinjaman bank atau mereka yang mempunyai rekod pembankuan yang tidak baik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap isu dan permasalahan yang dihadapi oleh penduduk bertaraf peneroka bandar termasuklah golongan setinggan. Justeru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa melakukan sesi temu bual dan *engagement* dengan pihak-pihak pemegang taruh bagi mendapatkan maklumat serta mencari formula terbaik untuk membantu menyelesaikan isu-isu yang berbangkit ini.
2. Antara inisiatif yang telah diambil oleh KPKT ialah dengan menawarkan penjualan rumah-rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) kepada penduduk bertaraf peneroka bandar dan golongan setinggan. KPKT juga memperkenalkan Skim Sewa untuk Dimiliki atau *Rent to Own* (RtO) kepada pembeli yang tidak memenuhi kelayakan untuk pinjaman perumahan daripada pihak bank atau institusi kewangan.
3. Skim RTO mula diperkenalkan sejak tahun 2017 bermula di PPR Gua Musang, Kelantan (1,000 unit) dan telah diperluasksan ke projek-projek lain seperti PPR Taman Danau, Kg Hassan (300 unit), PPR Taman Siliau Jaya (150 unit), PPR Lembah Subang 2 (842 unit), PPR Sri Aman Kepong (190 unit), PPR Sentul Murni (500 unit) dan PPR Kota Bharu (1,000 unit).

Sekian, terima kasih.